

Malaysia destinasi nombor satu UAE

Um- 3/5/2007



TENGGU Adnan Tengku Mansor (tengah) menerima anugerah bagi pihak Malaysia sebagai destinasi pilihan pertama warga UAE untuk cuti musim panas ini daripada Ibrahim Al Thahili di Pavillion Malaysia pada Pameran Pelancongan Arab 2007 di Dubai petang semalam. Turut hadir pada majlis itu ialah Ketua Pengarah Pelancongan Malaysia, Datuk Mirza Mohamad Taiyab (kiri).

DUBAI 2 Mei - Malaysia menjadi destinasi pelancongan musim panas pilihan pertama bagi penduduk Emiriyah Arab Bersatu (UAE) pada tahun ini, kata Menteri Pelancongan Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor.

Perkara itu diketahui apabila beliau menerima anugerah bagi pihak Malaysia sebagai destinasi pilihan pertama warga UAE untuk cuti musim panas ini daripada sebuah majalah pelancongan terkemuka di negara Teluk itu, Asfaar petang semalam di Pavillion Malaysia pada Pameran Pelancongan Arab 2007.

Malaysia terpilih sebagai destinasi pertama berdasarkan kajian yang dijalankan oleh majalah itu ke atas 3,000 penduduk tempatan di UAE daripada pelbagai peringkat umur dan status sosial mengenai destinasi pelancongan pilihan mereka di seluruh dunia.

Tengku Adnan berkata, Penerbit dan Ketua Editor majalah itu, Ibrahim Al Thahili yang menyampaikan anugerah itu semalam menyatakan bahawa 22 peratus daripada mereka yang terlibat dalam kajian itu memilih Malaysia sebagai destinasi pilihan nombor satu mereka.

Biar pun mereka mungkin menghadapi masalah kekurangan penerbangan dan bilik penginapan, namun Malaysia tetap di hati mereka kerana kosnya yang berpatutan, masyarakat yang menghormati tradisi dan kebudayaan Arab serta Islam selain daripada syurga membeli-belah kepada para wanitanya, kata beliau lagi.

Oleh itu, Tengku Adnan berkata, beliau akan berjumpa dengan syarikat penerbangan di negara Teluk seperti Ekhtihad, Emirates dan Qatar Air supaya meningkatkan penerbangan mereka ke Kuala Lumpur terutamanya pada cuti musim panas di negara Teluk iaitu dari Julai hingga September.

Beliau berkata, Egypt Air juga telah bersetuju untuk mengadakan penerbangan empat kali seminggu dari Kaheerah melalui Mumbai sebelum tiba di Kuala Lumpur mulai Jun ini.

Beliau berkata, ketibaan pelancong dari Asia Barat ini penting untuk ekonomi negara kerana pada puratanya mereka berada lebih daripada seminggu di Malaysia dan berbelanja tiga kali ganda lebih banyak daripada pelancong-pelancong dari Eropah, Jepun dan Korea Selatan.

Oleh itu beliau berharap para pegawai Imigresen di pintu-pintu masuk Malaysia supaya tidak menarik muka masam dan sentiasa tersenyum kepada pelancong yang ingin memasuki negara ini.

Katanya begitu juga dengan pemandu teksi dan sesetengah pekedai supaya tidak menaikkan harga sewenang-wenangnya ke atas pelancong kerana beliau menerima aduan daripada agensi-agensi pelancongan di sini mengenai perkara yang sungguh memalukan negara itu.

Selain daripada itu beliau juga menerima aduan daripada agensi pelancongan di sini bahawa air laut di pantai-pantai Pulau Pinang dan Kota Kinabalu, Sabah dicemari dengan sampah serta air kumbahan dan ini tidak disenangi oleh para pelancong terutama mereka yang menginap di resort di tepi pantai kerana mereka tidak boleh berenang.

Oleh itu, Tengku Adnan berkata beliau berharap majlis perbandaran di Kota Kinabalu dan Pulau Pinang mengambil berat mengenai perkara ini dan mengambil tindakan sewajarnya bagi menjaga baik imej Malaysia di kaca mata pelancong.

Tengku Adnan berada di sini sejak 30 April lepas untuk mengetuai 150 orang delegasi Malaysia yang terdiri daripada pengusaha hotel, agensi pelancongan, kerajaan-kerajaan negeri, Menara Kuala Lumpur mewakili Malaysia pada Pameran Pelancongan Arab di sini yang bermula semalam hingga Jumaat ini.

- Bernama